



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Web: <http://www.pka.gov.my>
Email: pka_admin@pka.gov.my

MS ISO 9001 : 2008 REG. NO: AR3579

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JTM/300-1/2/2/3- Jilid 4 (1)

Tarikh : 6 Februari 2014

Dagang Net Technologies Sdn Bhd
Tower 3, Avenue 5,
The Horizan ,Bangsar South,
No 8 Jalan Kerinchi ,
59200 Kuala Lumpur.

(u.p : En. James Sosai Vedamanickam)



Tuan,

AKTIVITI SIMULASI UNTUK PELAN PEMULIHAN BENCANA (DISASTER RECOVERY PLAN) (DRP) DI LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (*Business Continuity Management*) atau BCM merupakan rangka kerja bagi memastikan aktiviti operasi di LPK sentiasa berterusan walaupun dalam keadaan bencana. Ia merupakan proses pengurusan menyeluruh di mana impak yang menjadi ancaman kepada LPK dikenal pasti dan sekiranya berlaku sebarang bencana, ia mampu melindungi pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dan reputasi LPK.

3. Untuk makluman tuan, LPK adalah dalam proses mendapatkan Pensijilan MS ISO 27001:2007 yang dijangkakan pada akhir bulan Februari 2014 dan BCM merupakan satu aspek penting dalam mendapatkan pensijilan ini.

4. Salah satu usaha yang telah diambil oleh LPK ialah mewujudkan DRP yang menyediakan kemudahan infrastruktur untuk meneruskan operasi LPK. Satu aktiviti simulasi akan diadakan di LPK ketika berlakunya bencana atau

'System Down'. Aktiviti simulasi tersebut akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh : 16 Februari 2014 (Ahad)
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari
Tempat : Jabatan Teknologi Maklumat, LPK

5. Sehubungan itu, Sistem Dagangan Berbahaya dan Zon Bebas (eDCFZ) akan dihentikan buat sementara waktu bermula pada jam 10.00 pagi sehingga 12.00 tengahari selama dua (2) jam pada 16 Februari 2014 (Ahad). Walau bagaimanapun jika aktiviti ini berlanjutan sehingga melebihi empat (4) jam, pengguna dinasihat untuk menghantar pengikraran secara manual.

6. Pihak Tuan diminta untuk memaklumkan perkara ini kepada semua pengguna sistem dan juga terminal operator. Pihak Tuan juga diminta hadir semasa aktiviti tersebut dijalankan bagi memastikan aktiviti tersebut berjalan dengan jayanya.

7. Kerjasama pihak Tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(NORAI DAH BT MOHD SAID)

Pengurus Teknologi Maklumat
b/p Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

Tel : 03-3168 4236 (DL) / 012-268 1340

Emel : noraidah@pka.gov.my

s.k. : Pen. Pengurus Besar (Korporat & Pembangunan), LPK
Pen. Pengurus Besar (Operasi & Kawalselia), LPK

Pengurus Kanan Dagangan Berbahaya, LPK
Pengurus Kanan Zon Bebas, LPK

} Pohon wakil daripada jabatan
tuan-tuan hadir sama semasa
tempoh simulasi ini dilaksanakan